

13/02/2003

Peralihan kuasa bakal kuasai perbincangan

KUALA LUMPUR: Soal peralihan kuasa dalam Umno dan isu semasa berkaitan dasar kerajaan seperti Sekolah Agama Rakyat (SAR) dijangka menguasai perbincangan pada Majlis Taklimat Presiden Umno untuk kira-kira 3,000 pemimpin parti itu dari seluruh negara, hari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menghurai lanjut mengenai isu itu selain soal hubungan Malaysia-Singapura pada acara yang akan diadakan di Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini.

Majlis jam 3 petang itu dimulakan dengan ucapan aluan Ketua Penerangan Umno, Tan Sri Megat Junid Megat Ayob dan ucapan Dr Mahathir, diikuti dialog tertutup Presiden Umno dengan pemimpin parti.

Megat Junid ketika dihubungi semalam berkata, Dr Mahathir dijangka memberi penjelasan mengenai pelbagai isu berkaitan peralihan kuasa jika ia dibangkitkan pada majlis dialog itu nanti.

"Isu semasa dalam dan luar negara akan turut disentuh termasuk rancangan Amerika Syarikat menyerang Iraq dan hubungan Malaysia-Singapura. Di dalam negara pula, Perdana Menteri dijangka memberi penjelasan mengenai isu SAR," katanya.

Semua 165 pemimpin Umno bahagian iaitu ketua, timbalan ketua, naib ketua, setiausaha, ketua biro agama selain ketua Wanita dan Pemuda termasuk ketua Puteri Umno bahagian akan menghadiri majlis itu. Setiap satu bahagian menghantar 18 wakil.

Kerajaan menghentikan sementara bantuan per kapita SAR pada November lalu. Dr Mahathir ketika mengumumkannya berkata, langkah itu kerana SAR dikesan digunakan pembangkang untuk kepentingan politik hingga ada pelajar dipengaruhi supaya membenci kerajaan.

Berikutan itu, Pas melancarkan gerakan menyelamatkan SAR dengan mengutip derma daripada orang ramai. Dalam beberapa siri ceramah di seluruh negara, pemimpin Pas menuduh kerajaan bertindak demikian bukan sebagai tindakan sementara, tetapi untuk menamatkan institusi pendidikan Islam yang dipelopori ulama sekolah pondok sejak sebelum merdeka.

Sementara itu, Setiausaha Kerja Umno, Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor, berkata penerangan itu bertujuan memberi maklumat sebenar isu semasa terutama SAR kepada semua pemimpin Umno supaya mereka boleh memberi penjelasan kepada peringkat akar umbi.

"Pada masa ini, ada ahli Umno pada peringkat bawah tidak mendapat maklumat sebenar mengenai isu SAR dan pada masa yang sama, pembangkang memutar belit isu berkenaan untuk kepentingan politik mereka.

"Jadi, Presiden mahu memberi penjelasan supaya mereka boleh menyebarkannya semula pada peringkat akar umbi supaya rakyat dapat memahami hasrat sebenar kerajaan," katanya selepas menghadiri majlis

korban anjuran Umno Putrajaya di Presint 9 pusat pentadbiran itu, semalam.

Beliau yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri, berkata tindakan yang dilakukan terhadap SAR untuk memantapkan lagi sistem pendidikan agama bagi kepentingan rakyat.

Sambil menegaskan kerajaan tidak bercadang menutup SAR, beliau berkata, pihak pembangkang sudah lama mengambil kesempatan dengan menggunakan sekolah itu untuk menanam sikap antikerajaan di kalangan kanak-kanak.

"Selama ini, pihak tertentu di SAR menghasut murid membenci kerajaan dan mereka juga tidak tahu arah masa depan pelajar mereka," katanya.

Sehubungan itu, tegasnya, kerajaan perlu membetulkan keadaan itu bagi memastikan mereka yang belajar di SAR tidak ketinggalan daripada arus perdana negara.

"Umno berharap penjelasan itu dapat membetulkan salah tanggapan sesetengah pihak yang beranggapan kerajaan mahu menutup SAR. Kita bukan nak tutup SAR. Tugas kerajaan memastikan rakyat mendapat pendidikan agama yang sebenar," katanya.